



JABATAN PELANCONGAN & HOSPITALITI

PELAKSANAAN AKTIVITI
JABATAN
PELANCONGAN
DAN
HOSPITALITI
TAHUN 2020
(JANUARI-MAR)

Praktikal Sembelihan Halal



16 Mac 2020



Program ini dilaksanakan agar dapat memberi pendedahan kepada pelajar untuk mengetahui rukun dan syarat sembelihan, mendidik jiwa pelajar bersifat ihsan, berdisplin dan bertanggungjawab.

Latihan Pengendali Makanan



13-14 Mac 2020

Semua pengendali makanan wajib mengikuti kursus ini sekali seumur hidup. Sekiranya didapati gagal mengikuti kursus Latihan Pengendali Makanan, denda tidak melebihi RM10,000 atau penjara tidak melebihi 2 tahun akan dikenakan.



DUP Polympic Day

9 Mac 2020

Program ini merupakan aktiviti sukan yang disertai oleh semua pelajar Diploma Pengurusan Pelancongan (DUP) semester 1 hingga semester 5 dan semua pensyarah DUP dan DEV. Aktiviti di dalam program ini dirangka bertujuan untuk membina semangat kerjasama dan berpasukan di kalangan pelajar dan pensyarah.



Roadshow by Double Tree by Hilton Hotel, Melaka



5 Mac 2020

Melaka ArtPeX (Melaka Art, Performance & Exhibition)



Dianjurkan oleh pelajar semester akhir Diploma Pengurusan Acara (*Venemous*), Politeknik Merlimau Melaka. Program ini dilaksanakan untuk menggalakkan dan memperkembangkan aktiviti kesenian dikalangan pelajar dan juga komuniti setempat melalui pameran seni daripada pelajar dan pensyarah Diploma Seni Bina.

3 Mac 2020

Ekspedisi Pelancongan ke Vietnam

28 Februari - 3 Mac 2020

Lawatan akademik berbentuk ekspedisi pelancongan ini diadakan bagi mencapai objektif pembelajaran yang dinyatakan di dalam sukatan kursus DTM3053 (Tourism Expedition). Para pelajar didedahkan dengan pengalaman sebenar merancang, menyelaras dan mengurus ekspedisi samada dalam negara mahupun di peringkat antarabangsa.



Latihan Amali Snorkeling dan Discovery Scuba Diving DTM5023



29 Februari - 2 Mac 2020

Seramai 43 orang pelajar telah mengikuti latihan amali snorkeling dan scuba diving dengan kerjasama rakan kolaborasi strategik PMM iaitu Scuba Naut Dive Centre, bertempat di Salang, Pulau Tioman. Kursus selama 3 hari 2 malam ini membolehkan pelajar memperolehi Sijil Discovery Scuba Diving sebagai salah satu program dwi persijilan bagi program Diploma Pengurusan Pelancongan.

Mesyuarat Pelarasan Work Based Learning (WBL) bersama Industri bil.1/2020



18 Februari 2020

Program Insentif MICE



20 - 23 Februari 2020

Program insentif yang terdapat dalam elemen MICE juga diketengahkan untuk membantu pelajar lebih memahami peranan dan fungsi MICE dalam menyumbangkan pendapatan negara. Pengisian utama program ini adalah mengadakan lawatan ke Skycap Komtar, Malay Culture Village, Bangunan Sultan Ismail-Nusajaya, Danga Bay dan Bazar Karat. Peserta bagi program ini adalah seramai 37 orang terdiri daripada 34 orang pelajar semester 2 dan 2 orang pensyarah pengiring.



Ekspedisi Pelancongan ke Medan, Indonesia



10 - 13 Januari 2020

Lawatan akademik berbentuk ekspedisi pelancongan ini dilaksanakan bagi mencapai objektif pembelajaran yang dinyatakan di dalam sukatan kursus DTM3053 (Tourism Expedition). Para pelajar didedahkan dengan pengalaman sebenar merancang, menyelaras dan mengurus ekspedisi samada dalam negara mahupun di peringkat antarabangsa. Projek ekspedisi merupakan salah satu penilaian utama yang perlu dilalui oleh pelajar sebagai elemen penilaian kursus.

Program 1 Spirit, 1 Team & 1 Sound

8 - 9 Januari 2020

Program ini dianjurkan secara kerjasama di antara Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti dan Unit Pengurusan Psikologi PMM. Program ini bertujuan membina semangat berpasukan dan bertoleransi di kalangan pelajar, mengamalkan gaya hidup yang sihat melalui aktiviti berteraskan kesukanan, mengurangkan stress, meningkatkan kecerdasan minda yang seimbang dari aspek moral, spiritual, emosi, jasmani dan mental serta memberi peluang berinteraksi dan bersosial sesama rakan sekelas.



Sekian, terima kasih.